

Perlantikan Datuk Musa berdasar kemampuannya

E.M. 27 AUG 1989

Oleh **NORAINI ISMAIL**

KUALA KLAUANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menolak dakwaan yang mengatakan perlantikan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, sebagai wakil khas kerajaan untuk mengundang ketua negara anggota Komanwel menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur, sebagai satu proses pemulihan.

Menurutnya, walaupun pun tafsiran yang dibuat, pelantikan Datuk Musa sebagai wakil khas adalah atas dasar Datuk Musa mampu menjalankan tugas itu.

"Orang boleh buat sebarang tafsiran tetapi kerajaan memilihnya berdasarkan kemampuan beliau," tegasnya dalam pertemuan dengan pemberita di sini, semalam.

Menurutnya, Datuk Musa juga dipilih sebagai salah seorang wakil yang akan menyertai perhimpunan di **Bangsa-Bangsa Bersatu**.

Rombongan ke perhimpunan itu akan di-

ketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dan bukannya Datuk Musa seperti yang dilaporkan oleh majalah *Asiaweek*.

Ditanya mengenai **desas-desus** bahawa Datuk Seri Dr Mahathir memutuskan dalam mesyuarat Kabinet baru-baru ini untuk melantik Datuk Musa sebagai menteri, beliau berkata, "Mesyuarat Kabinet adalah rahsia."

Beliau menganggap soalan ini sebagai 'serkap jarang' kerana tidak ada orang tahu mengenai perkara yang dibincangkan di mesyuarat itu.

Mengenai tindakan dua ahli meninggalkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (**Mapen**), beliau menyatakan kesalnya kerana tujuan penubuhan majlis itu adalah untuk mengumpul kritik sebagai membantu pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (**DEB**).

Katanya, masalah kerajaan membentuk **DEB** perlu diselami oleh semua pihak dan

beliau berharap kedua-dua wakil itu kembali menyertai **Mapen**.

Perdana Menteri juga menegaskan beliau tidak berhasrat membuat perubahan dalam kerajaan sehingga pilihanraya umum diadakan.

Menurutnya, keputusannya mengekalkan jawatan Encik Kalakau Untol sebagai Timbalan Menteri Buruh bukanlah suatu tindakan luar biasa.

"Sebelum ini, kerajaan ada mengekalkan seseorang dalam jawatannya walaupun sudah disingkirkan daripada parti."

"Kita tidak mahu mengadakan perubahan sehingga pilihanraya umum diadakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno bahagian Jebeu di sini, semalam.

Menurutnya, beliau akan meneliti senarai yang disediakan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, jika kerajaan berhajat membuat pertukaran jawatan Timbalan Menteri itu.